

SEMAKAN DAN PENGESAHAN LAPORAN DI iGFMS – SIJIL PENGESAHAN BAKI

Tuan/Puan,

Selaras dengan SPANM Bilangan 7 Tahun 2018 bagi Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan laporan yang dijana oleh iGFMS bagi memastikan transaksi perakaunan adalah tepat dan betul seperti berikut:

- i.) Transaksi perakaunan diakaunkan kepada struktur kod perakaunan yang tepat dan betul;
- ii.) Bayaran dilakukan ke atas transaksi dan dokumen sokongan yang sah adalah selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- iii.) Laporan Pengurusan ke atas peruntukan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan ekuiti yang disediakan adalah tepat dan lengkap untuk membantu proses membuat keputusan oleh Kementerian / Jabatan.

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan tersebut juga, **tuan/puan adalah dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot berserta Laporan Kedudukan Vot /Dana (Ringkasan) kepada JANM Pahang selewat-lewatnya pada 14 haribulan berikutnya sepertimana format yang dilampirkan di Lampiran I-2 SPANM Bil 07/2018. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan prestasi Naziran di PTJ tuan/puan.**

Penghantaran Sijil Pengesahan Baki hendaklah bermula pada bulan Februari 2019 bagi Laporan Bulan Januari 2019. Tuan/Puan juga dikehendaki menghantar Sijil Pengesahan Baki bagi bulan Oktober, November dan Disember 2018 kepada JANM Pahang dengan kadar segera.

Bersama-sama ini dikemukakan 'softcopy' Sijil Pengesahan Baki berserta Lampiran I, Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan untuk rujukan tuan/puan.

Tuan/puan boleh menghubungi nombor 09-09-591 5029 / 5026 / 5022 / 5021 untuk keterangan lanjut.

Sekian terima kasih.

**UNIT AKAUN
JANM PAHANG**